

# 'Saya dikecam setiap hari, tapi tiada siapa kena dakwa'

Oleh **OMAR ZIN**  
omar.zin@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim sedar dirinya berdepan kecaman dan kritikan hampir setiap hari, tetapi beliau tidak pernah mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak.

Perdana Menteri menjelaskan, tindakan ke atas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor yang dikenakan pertuduhan mahkamah mengikut Akta Hasutan 1948 dua bulan lalu bukan kerana kritikan terhadap beliau.

Sebaliknya, katanya, Muhammad Sanusi didakwa kerana mengeluarkan kenyataan yang menyentuh kedaulatan raja-raja.

"Ia sudah ada dalam undang-undang, sebab sebarang kritikan terhadap Perdana Menteri atau kerajaan saya tak dakwa, saya dikecam setiap hari, tapi tiada siapa kena dakwa.

"Tapi kalau kamu sentuh raja atau sultan, kita ada undang-undang. Ia tidak serius seperti *lese majeste* tapi undang-undang itu ada, melainkan kita membuat beberapa pelarasan kepada undang-undang maka kita boleh mempertimbangkan sama ada kenakan pendakwaan atau tidak," katanya dalam wawancara CNN bersama pengacara terkemuka, Christiane Amanpour.

Namun, Anwar menyifatkan, undang-undang melindungi raja masih lagi diperlu-



**ANWAR Ibrahim menyampaikan khutbah Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam New York, Amerika Syarikat pada 22 September 2023. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

kan atas beberapa faktor.

"Saya tidak boleh dikritik hanya kerana pendakwaan melibatkan raja, jika saya dikritik dan saya ambil tindakan terhadap kritikan itu, maka ia wajar dipersoalkan.

"Saya fikir perlu untuk melindungi institusi raja, ia sudah diputuskan sejak merdeka. Ini sistem yang kita warisi, jadi jika ada yang dianggap meng-

hina raja dan didakwa oleh Peguam Negara, ada undang-undangnya. Selagi kita belum pinda, selagi itu undang-undang ini terus dikuatkuasakan," katanya.

Julai lalu, Muhammad Sanusi mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Selayang atas tuduhan mengeluarkan kenyataan mempunyai kecenderungan menghasut yang

boleh menimbulkan rasa tidak setia terhadap mana-mana raja.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 4 (1) (a) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum sehingga RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.